

22/05/2003

Operasi mesin slot di Colmar Tropicale dihenti

BUKIT TINGGI (PAHANG): Operasi mesin slot di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi Resort, dekat sini diberhentikan sementara waktu mulai semalam berikutan arahan Perdana Menteri kelmarin.

Bukit Tinggi Resort Bhd (BTR) dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya memberhentikan sementara waktu operasi mesin slotnya sebagai menghormati arahan Perdana Menteri.

Operasi berkenaan juga diberhentikan sementara mendapat penjelasan lanjut daripada Kementerian Kewangan mengenai terma dan syarat lesen yang diberikan kepada syarikat itu untuk menawarkan kemudahan mesin slot di pusat peranginan bertema perkampungan Perancis itu.

BTR diberi lesen untuk mengendalikan 250 mesin slot.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak pernah mengeluarkan lesen atau membenarkan operasi kasino di Bukit Tinggi Resort seperti didakwa pembangkang.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya pemaaju itu menyalahgunakan kebenaran untuk mengendalikan mesin slot khas bagi ahli kelab dengan membenarkannya digunakan oleh pengunjung awam.

Berikutan itu, beliau berkata, kerajaan sudah mengarah supaya dihentikan operasi mesin slot berkenaan kerana ia sepatutnya untuk kegunaan ahli kelab bukan orang awam.

Tinjauan Berita Harian ke premis berkenaan semalam mendapati satu unit bahagian bawah rumah kedai bangunan lima tingkat di pusat peranginan itu dijadikan premis 'Slot Room'.

Premis 'Slot Room' itu menempatkan kira-kira 10 mesin slot.

Tinjauan turut mendapati tidak kelihatan sebarang notis larangan atau peringatan bagi pengunjung bukan ahli kelab atau mereka yang beragama Islam untuk memasuki premis itu ditampal di luar 'Slot Room' itu.

Notis yang mengatakan hanya untuk kegunaan ahli atau penyewa serta penghuni Colmar Tropicale dibenarkan memasukinya juga tidak kelihatan.

Apa yang jelas kelihatan di pintu masuk premis berkenaan ialah notis penutupan.

Sekadar membayar tiket bernilai RM16 seorang bagi dewasa di pintu masuk utama, pengunjung boleh bersiar-siar di Colmar Tropicale yang menempatkan beberapa unit kedai menjual cenderahati, lukisan, kemeja T, topi dan lain-lain lagi.

Malah tiket berkenaan membolehkan pengunjung melawat perkampungan Jepun dan Taman Arnab yang berada di sekitar Colmar Tropicale.

BTR dalam kenyataannya itu juga berkata, pihaknya tidak pernah membuat

kenyataan bahawa ia menerima lesen mengendalikan kasino di Bukit Tinggi.

BTR berkata, agak malang sesetengah pihak salah faham dan cuba mempolitikkan perkara berkenaan.